

Jalan Peel ditutup sementara

KUALA LUMPUR 19 Nov.
- Sebahagian lorong di Jalan Peel akan ditutup sementara bermula 21 November hingga 2 Disember depan.

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT) memaklumkan penutupan bertujuan memberi laluan kepada kerja-kerja pembinaan projek MRT iaitu pemasangan kabel sepanjang 100 meter di laluan berkenaan.

“Penutupan akan dilaksanakan bermula dari 12 tengahari hingga 12 tengah malam selama 24 jam,” kata MRT dalam kenyataan akhbaranya di sini

Ketika penutupan, penghadang keselamatan, dinding penghadang dan kon trafik akan diletakkan di kawasan kerja .

Orang awam boleh melayari laman web MRT Corp di www.mymrt.com.my untuk maklumat lanjut.